

Produk halal

LEBIH 200 pempamer memperlihatkan produk masing-masing sempena Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2024 bermula semalam sehingga Jumaat ini.

Bertempat di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) di Kuala Lumpur, pameran bertaraf antarabangsa itu dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Majlis perasmian MIHAS 2024 disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam.

■ ANWAR Ibrahim melawat reruai pameran selepas merasmikan Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2024 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON



